

UM 2 2 AUG 2009

Pas hanya tumpang nama Islam cari untung

JOHOR BAHRU 21 Ogos – Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Pas sebagai sebuah parti yang hanya menumpang atas nama Islam untuk mencari keuntungan politik apabila menyediakan dua manifesto berbeza bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau memberitahu, Perdana Menteri Turki yang memang kuat dengan Islam tidak meletakkan nama Islam pada partinya kerana bimbang perbuatan itu akan menyebabkan pihak lain menyalahkan Islam jika parti itu membuat kesalahan.

“Beliau kata (Perdana Menteri Turki), tak boleh bagi nama Islam pada parti beliau (kerana) kalau-kalau beliau buat benda yang salah, orang akan salahkan Islam dan sebab itu beliau tak guna Islam dalam parti beliau.

“Kalau beliau buat salah, itu salah beliau bukan salah Islam tapi ini (Pas) nak bertingtung atas nama Islam nak cari keuntungan politik, itu aje. Tak ada Islam sikit pun daripada perjuangan Pas,” katanya di sini hari ini.

Pas sebelum ini dikatakan membuat perubahan pendirian dengan menggugurkan konsep negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud dalam pilihan raya umum akan datang bagi mengelak perpecahan besar di kalangan parti pembangkang.

Perdana Menteri berkata, tindakan Pas itu hanya untuk menipu rakyat.